

HADITH RIBA DALAM KITAB 'UMDAH AL-AHKAM: ANALISIS PERSPEKTIF FIQH

Muhammad Ikhlas Rosele

Luqman Hj. Abdullah

Nor Fahimah Mohd Razif

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

ikhlas@um.edu.my

Khairul Azhar Meerangani

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

khairulazhar@kuim.edu.my

ABSTRAK

Kitab *'Umdah al-Ahkam* merupakan satu kumpulan hadith-hadith hukum yang disepakati oleh dua tokoh hadith yang besar. Perbincangan di dalamnya adalah disusun selaras dengan perbincangan fiqh. Namun ia adalah sebuah kitab yang hanya mengumpul matan-matan hadith. Selaras dengan prinsip fiqh iaitu kefahaman dan penjelasan berkaitan hukum-hukum taklifi, hadith yang terdapat di dalam *'Umdah al-Ahkam* juga perlu ditonjolkan sebagai satu kitab rujukan fiqh. Oleh itu, kajian ini cuba menjelaskan mengenai perspektif fiqh yang terdapat di dalam kitab ini. Kajian telah memilih isu riba sebagai subjek kajian yang utama. Isu riba merupakan satu isu yang perlu diambil berat pada hari ini berikutan terdedahnya masyarakat kepada pelbagai bentuk muamalat termasuk *al-mu'amalah al-ribawiyah*. Justeru, kajian ini akan mendedahkan konsep riba menurut perspektif fiqh hadith. Kajian menjadikan kitab *'Umdah al-Ahkam* sebagai rujukan utama di samping mengemukakan syarah-syarah hadith dan menganalisis isu riba yang terkandung di dalamnya.

Kata kunci: Fiqh hadith, riba, mu'amalat, *'umdah al-ahkam*

THE HADITH ON RIBA IN THE 'UMDAH AL-AHKAM BOOK: AN FIQH ANALYSIS

ABSTRACT

The *'Umdah al-Ahkam* book is one of the book that compile the hadith on Islamic jurisprudence (*al-ahadith al-ahkam*) that has been agreed by al-Bukhari and Muslim. The discussion in that book is arranged in accordance with the fiqh chapters. Yet it is a book that only collects the hadiths. In line with the principle of fiqh, that is, the understanding and explanation of the laws of *taklifi*, the hadith contained in *'Umdah al-Ahkam* also needs to be highlighted as a fiqh reference book. Therefore, this study attempts to explain the fiqh perspective comprised in

this book. Studies have chosen the issue of *riba* as the main subject. *Riba* is an issue that needs to be taken today because of the vulnerability of society to various forms of *muamalat* including *al-mu'amalah al-ribawiyah*. Hence, this study will reveal the concept of *riba* according to the perspective of the *fiqh hadith* (the hadith jurisprudence). The study made the book 'Umdah al-Ahkam as the main reference as well as the sermon of the hadith and analyzed the issue of usury contained therein.

Keywords: *fiqh hadith, usury, mu'amalah, 'Umdah al-Ahkam*

PENDAHULUAN

Pada umumnya terdapat tiga perkara utama yang perlu diawasi dalam aspek muamalah iaitu elemen *riba*, elemen judi dan elemen *gharar* (Visser, 2013). Oleh itu, kesedaran terhadap wujudnya unsur-unsur yang melibatkan *riba* dalam sistem kewangan Islam pada hari ini perlu dipertingkatkan. Pengharaman *riba* adalah sesuatu yang jelas dalam Islam, hal ini telah dinyatakan dalam beberapa ayat al-Quran¹, contohnya adalah firman Allah SWT, yang bermaksud:

“Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba” (Surah al-Baqarah, 2: 275)

Selain daripada ayat al-Quran yang menjelaskan pengharaman *riba*, hadith-hadith nabi juga menyatakan hal yang sama. Antara hadith yang menjelaskan pengharaman *riba* adalah sebagaimana diriwayatkan oleh Jabir bin Abdillah RA bahwa ia menceritakan:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْلَ الرَّبَا وَمُؤْكَلَّهُ وَكَاتِبَهُ وَشَاهِدِيهِ وَقَالَ هُمْ سَوَاءٌ

Yang bermaksud; *Rasulullah melaknat pemakan riba, orang yang memberi makan dengan riba, juru tulis transaksi riba, dua orang saksinya, semuanya sama saja.* (Hadith riwayat Muslim)

Al-Nawawi (1996) jelas menyatakan bahawa hadith ini sebagai hujah pengharaman menjadi juru tulis bagi orang yang melakukan transaksi *riba* serta menjadi saksi mereka. Oleh itu, dalam konteks yang lebih umum haram bertolong bantu dalam perkara yang batil. Justeru, kajian ini akan menonjolkan dan menganalisis kefahaman *riba* berasaskan hadith-hadith nabi yang terkandung di dalam kitab 'Umdah al-Ahkam menurut perspektif fiqh. Kajian sebegini penting dalam untuk menjelaskan kefahaman hadith-hadith secara umumnya dalam kerangka pemikiran fiqh. Selain itu ia sudah tentu memberi penjelasan

¹ Al-Baqarah, 2: 275-276; al-Baqarah, 2: 278-279; 'Ali 'Imran, 3: 130; al-Nisa', 4: 161; al-Rum, 30: 39.

konsep riba agar dapat menyelamatkan umat Islam terjerumus secara langsung mahupun tidak langsung.

METODOLOGI DAN SKOP KAJIAN

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif di mana hanya data-data kepustakaan sahaja yang akan dikumpul dan dianalisis secara induktif dan deduktif. Kajian ini hanya menjadikan perbincangan riba (urusan berkaitan dengan transaksi riba) sebagai fokus utama kajian. Hadith-hadith riba telah menjadi subjek kajian dan hadith tersebut telah diambil dari *bab al-riba wa al-sarf* dalam kitab '*Umdah al-Ahkam*' karya 'Abd al-Ghani al-Maqdisi.

Kitab '*Umdah al-Ahkam*' telah dipilih sebagai subjek utama kajian berlandaskan beberapa alasan, antaranya; ia merupakan kitab yang mengumpulkan hadith-hadith hukum yang disepakati oleh al-Bukhari dan Muslim. Selain itu kitab ini telah disusun berasaskan susunan kitab fiqh sebagaimana beberapa kitab hadith yang lain. Tambahan pula hadith-hadith muttafaq 'alayh ini juga mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam perbincangan disiplin hadith serta disiplin fiqh. Ia juga sudah menjadi rujukan kepada umat Islam khususnya di Malaysia.

KONSEP RIBA


Riba adalah sesuatu yang dilarang oleh Allah SWT, bahkan ia tergolong sebagai salah satu dosa besar. Akan tetapi yang menjadi persoalan apakah yang dimaksudkan dengan riba. Dari sudut bahasa riba adalah merujuk kepada makna berkembang (subur) dan bertambah (Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, 1991). Dalam aspek harta ada dua bentuk perkembangan iaitu perkembangan yang dibenarkan dan perkembangan yang diharamkan. Perkembangan harta yang dibenarkan antaranya adalah sedekah, wakaf, zakat dan perlaburan mudharabah. Manakala perkembangan harta yang diharamkan antaranya adalah riba dan judi.

Dari sudut istilah, ulama mempunyai penjelasan tersendiri mengenai makna riba. Golongan Hanafiyyah menjelaskan riba sebagai satu lebihan yang diperoleh dari pertukaran yang mana ia telah disyaratkan terlebih dahulu daripada salah seorang yang membuat kontrak pertukaran tersebut. Malikiyyah pula menyatakan ia sebagai setiap jenis daripada jenis-jenis riba, pentakrifan ini adalah dalam bentuk yang umum. Golongan Syafi'iyah pula menjelaskan riba sebagai satu kontrak pertukaran tertentu yang tidak diketahui persamaannya menurut kerangka syarak pada waktu kontrak dimeterai, atau ketika mana berlakunya kelewatan pertukaran barang. Golongan Hanabilah pula menjelaskan riba merupakan satu bentuk lebihan pada barang atau penangguhannya, khususnya barang yang telah dijelaskan syarak akan pengharamannya (jika salah satunya lebih atau ditukar secara tangguh) sama ada secara nas atau qiyas (Wizarah al-Awqaf, 1983).

Secara umumnya, riba dapat dibahagikan kepada dua iaitu riba *al-fadl* dan riba *al-nasi'ah*. Riba *al-fadl* adalah melebihi barang yang ditukarkan dengan barang yang lain dan sama jenis, seperti pertukaran kurma dengan kurma atau

mana-mana item ribawi. Manakala riba *al-nasi'ah* pula ialah penangguhan penyerahan salah satu barang (atau kedua-duanya) dalam transaksi pertukaran antara item ribawi yang sama jenis atau '*illah*' (al-Qahtani, 1988). Riba *al-fadl* dan riba *al-nasi'ah* ini tergolong dalam kategori riba *al-buyu'*.

Walau bagaimanapun terdapat pembahagian lain riba yang disebut riba *al-jahiliyyah* yang terkandung di dalamnya riba *al-qard* dan riba *al-dayn* iaitu riba yang berlaku dalam transaksi hutang (Syafiq, 1998). Riba *al-qard* adalah riba yang berlaku sewaktu akad hutang dimeterai di mana pihak penghutang dikehendaki membayar lebih dari jumlah hutang yang diterimanya sewaktu melangsaikannya. Manakala riba *al-dayn* merujuk kepada riba yang berlaku selepas akad hutang dimeterai, namun ketika mana penghutang tidak dapat membayar hutangnya pada waktu yang dijanjikan, pemiutang menggandakan jumlah hutang tersebut (Jalal, 2004). Riba *al-dayn* juga hakikatnya berlaku dalam transaksi jual beli secara tangguh. Pembahagian jenis riba ini boleh digambarkan sebagaimana rajah berikut;



Rajah 1: Jenis-Jenis Riba dalam Islam

ANALISIS HADITH AL-MU'AMALAH AL-RIBAWIYYAH DALAM UMDAH AL-AHKAM

Hadith-hadith yang menjadi fokus utama kajian adalah hadith berkaitan riba yang terkandung dalam *bab al-riba wa al-sarf*. Terdapat lima hadith dalam bab ini sebagaimana jadual berikut (al-Maqdisi, 1988);

Jadual 1: Hadith-Hadith Riba Beserta Terjemahan

Bil.	Matan Hadith	Terjemahan
1	الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ رِبًا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ وَالنِّيرُ بِالنِّيرِ رِبًا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ وَالنَّمْرُ بِالنَّمْرِ رِبًا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ رِبًا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ	Emas dengan emas adalah riba kecuali dengan transaksi secara lansung (<i>al-taqabud</i>), gandum dengan gandum adalah riba kecuali dengan transaksi secara lansung; kurma dengan kurma adalah riba kecuali

		dengan transaksi secara langsung; kismis dengan kismis adalah riba, kecuali dengan transaksi secara langsung
2	<p>لَا تَبِيعُوا الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ وَلَا تُشِفُوا بَعْضَهَا عَلَى بَعْضٍ وَلَا تَبِيعُوا الْوَرَقَ بِالْوَرَقِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ وَلَا تُشِفُوا بَعْضَهَا عَلَى بَعْضٍ وَلَا تَبِيعُوا مِنْهَا غَائِبًا بِنَاجِزٍ</p>	Janganlah menjual emas dengan emas kecuali yang sama sebanding dan jangan menambah sebahagian atas yang lain; janganlah menjual perak dengan perak kecuali yang sama sebanding dan jangan menambah sebahagian atas yang lain, dan janganlah menjual perak yang tidak tampak dengan yang tampak
3	<p>جَاءَ بِلَالٌ بِتَمْرٍ بَرْنِيِّ فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ أَيْنَ هَذَا فَقَالَ بِلَالٌ تَمْرٌ كَانَ عِنْدَنَا رَدِيءٌ فَبِعْتُ مِنْهُ صَاعَيْنِ بِصَاعٍ لِمَطْعَمِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ عِنْدَ ذَلِكَ أَوْهَ عَيْنُ الرَّبَا لَا تَفْعَلْ وَلَكِنْ إِذَا أَرَدْتَ أَنْ تَشْتَرِيَ التَّمْرَ فَبِعْهُ بِبَيْعِ آخَرَ ثُمَّ اشْتَرِ بِهِ</p>	Pada suatu ketika Bilal membawa burniy (Sejenis kurma yang baik kualitasnya) ke hadapan Rasulullah SAW dan beliau bertanya kepadanya; “dari mana engkau mendapatkannya?” Bilal menjawab; “saya mempunyai sejumlah kurma dari jenis yang rendah mutunya dan menawarkannya dua sa’ untuk satu sa’ kurma jenis burni untuk di makan oleh Rasulullah SAW”, selepas itu Rasulullah terus berkata. “hati-hati! ini sesungguhnya riba, janganlah berbuat begini, tetapi jika kamu membeli (kurma yang mutunya lebih tinggi), juallah kurma yang mutunya rendah untuk menapatkan wang dan kemudian gunakanlah wang tersebut untuk membeli kurma yang bermutu tinggi itu
4	<p>نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ بَيْعِ الذَّهَبِ بِالْوَرَقِ دَيْنًا</p>	Rasulullah SAW melarang daripada membeli emas dengan perak secara tangguh (hutang)
5	<p>نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْفِضَّةِ بِالْفِضَّةِ وَالذَّهَبِ بِالذَّهَبِ إِلَّا سَوَاءً بِسَوَاءٍ وَأَمَرَنَا أَنْ نُبْتَاعَ الذَّهَبَ بِالْفِضَّةِ كَيْفَ شِئْنَا وَالْفِضَّةَ بِالذَّهَبِ كَيْفَ شِئْنَا</p>	Rasulullah SAW melarang daripada (pertukaran) perak dengan perak dan emas dengan emas kecuali sama nilai dan memerintahkan agar menukarkan emas dengan perak sebagaimana kami kehendaki dan perak dengan emas sebagaimana kami kehendaki (dengan syarat dalam satu majlis akad atau wujud <i>taqabud</i>)

Secara kasarnya, hadith-hadith yang terdapat di dalam kitab *umdah al-ahkam* berkaitan riba telah mampu memberi kerangka konsep riba yang jelas. Pada hadith yang pertama jelas menyatakan bahawa transaksi yang melibatkan pertukaran emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum serta barli dengan barli perlu dilaksanakan dalam satu majlis akad. Hadis menyenaraikan 4 jenis perkara yang boleh berlaku riba yang dikenali sebagai item ribawi. Transaksi item ribawi perlu dilakukan dalam satu majlis akad, iaitu secara langsung dan tidak boleh dilaksanakan secara tangguh. Selain itu intipati utama dalam hadith ini adalah “jenis” merupakan ‘illah utama tidak boleh dilakukan transaksi pertukaran tersebut. Sekiranya pertukaran yang sama jenis maka hendaklah dilaksanakan secara langsung dalam majlis akad (Bassam, 1978).

Namun terdapat syarat lain yang perlu diamati selain transaksi yang perlu dilakukan secara langsung. Syarat tersebut ialah sama dari sudut nilai dan timbangan. Syarat ini boleh difahami dalam hadith kedua dengan perkataan “*mithlan bi mithlin*”. Pada dasarnya fuqaha berbeza pendapat tentang maksud perkataan tersebut adakah ia bermaksud timbangan ataupun nilai atau kedua-duanya atau terdapat perincian yang lain. Untuk menjelaskan hal ini pada umumnya ulama bersependapat bahawa ‘illah persamaan “*mithlan bi mithlin*” bagi emas dan perak adalah berbeza dengan item ribawi yang lain. Manakala item ribawi yang lain pula berkongsi ‘illah yang sama.

Berkenaan penentuan ‘illah persamaan emas dan perak, ulama berbeza pendapat. Menurut Abu Hanifah dan Ahmad ibn Hanbal menurut pandangan yang masyhur ‘illah persamaan bagi emas dan perak adalah dari sudut timbangan dan jenis. Manakala al-Syafi’i berpandangan bahawa ‘illah persamaan emas dan perak adalah dari sudut nilai dan jenis. Manakala ‘illah persamaan item ribawi yang lain (gandum, barli dan tamar) menurut Abu Hanifah dan Ahmad adalah dari sudut sukatan dan jenis manakala al-Syafi’i berpandangan ‘illah persamaan adalah dari sudut makanan dan jenis. Manakala Malik berpandangan ‘illah bagi emas dan perak adalah nilai manakala item ribawi yang lain kerana merupakan makanan asasi dan boleh disimpan (al-Fakihani, 2010). Namun perbincangan mengenai item ribawi ini tidak boleh dihentikan disini. Berasaskan dua hadith ini didapati perlu satu penjelasan yang terperinci dan boleh dirumuskan sebagaimana berikut;

1. Sebarang pertukaran barang khususnya item ribawi seperti emas, perak, gandum, barli, tamar dan garam hendaklah dilakukan dengan syarat sama dari sudut nilai (bagi emas dan perak) serta sukatan dan dilaksanakan dalam majlis akad yang sama (Ibn Baz, t.t.).
2. Terdapat enam item ribawi yang telah disenaraikan dalam hadith Nabi SAW. Namun begitu ia masih boleh diqiyaskan kepada barangan lain selagi mana terdapat persamaan ‘illah (yang telah dibincangkan sebelum ini) (Ibn ‘Abd al-Barr, 1993).
3. Pertukaran sama jenis adalah dilarang, namun item ribawi tersebut dibahagikan kepada emas, perak, jenis bijirin (barli dan gandum), jenis buah atau manisan (tamar) dan jenis *al-tawabul* (garam). Oleh itu pertukaran yang berlainan jenis adalah dibenarkan dengan syarat dilakukan secara langsung (Ibn Baz, t.t.).

4. Untuk menqiyaskan kepada barangan lain (bagi menjadikannya sebagai item ribawi), ulama telah menggariskan satu syarat lain yang perlu dipatuhi iaitu hendaklah ia satu bentuk makanan asasi yang boleh disimpan (al-Sayyid al-Sabiq, t.t.: Ibn al-'Arabi, 1992).

Selanjutnya hadith ketiga yang membincangkan isu riba adalah berkenaan tindakan Bilal yang menukarkan tamar yang rendah kualitasnya dengan tamar yang lebih baik. Namun pertukaran yang dilakukan itu tidak sama sukatan iaitu 2 *sa'* kurma yang berkualiti rendah ditukar dengan 1 *sa'* tamar yang berkualiti tinggi. Hal ini diperingati oleh Rasulullah SAW sebagai riba. Ibn Daqiq al-'Ayd (1987) menegaskan bahawa hadith ini menjelaskan tentang konsep riba *al-fadl*, begitu juga dengan hadith sebelumnya yang menjelaskan mengenai riba *al-fadl* dan riba *al-nasi'ah*.

Transaksi pertukaran item ribawi sebagaimana disebutkan sebelum ini hendaklah menepati syarat utama iaitu sama nilai atau sukatan dan dilakukan secara lansung dalam majlis akad serta ada proses *qabad* (iaitu penerimaan) (al-Syarbini, 2011). Dalam konteks ini, syarat sama sukatan tidak dipenuhi kerana pertukaran 2 *sa'* untuk mendapatkan 1 *sa'* tamar yang berlainan kualiti. Dalam konteks ini kualiti bukanlah menjadi pengukur kepada keboleh lansungan transaksi. Jika merujuk konteks semasa kita dapati wujudnya transaksi mata wang dengan mata wang, contohnya mata wang lama (yang masih laku nilainya dalam amalan jual beli) dengan harga yang tinggi. Lebih jelas lagi syiling syiling 50 sen 1969 *Milled Edge* (sisi bergerigi) dibeli (ditukarkan) dengan harga 2 ribu ringgit. Sedangkan pada hakikatnya jika pergi ke kedai atau pasar syiling tersebut mempunyai nilai yang sama dengan 50 sen biasa. Oleh itu pertukaran tersebut dianggap satu transaksi riba dan dilarang dalam Islam.

Menariknya, hadith keempat pula menjelaskan mengenai kedudukan riba *al-nasi'ah* iaitu satu transaksi item ribawi yang dilakukan secara hutang. Rasulullah SAW melarang pertukaran emas dengan wang kertas yang merupakan jenis sama (kategori nilai) secara hutang (al-Ansari, 1997). Keadaan ini tidak memenuhi syarat bahawa transaksi item ribawi perlu dilakukan secara lansung dalam majlis akad yang sama. Oleh itu, dalam realiti semasa, tindakan jual beli emas secara tangguh atau ansuran telah menempatkan transaksi tersebut sebagai suatu transaksi yang dilarang.

Manakala hadith kelima juga menjelaskan konsep riba *al-buyu'* iaitu riba yang berlaku dalam aktiviti jual beli atau pertukaran. Dalam hadith tersebut sekali lagi menjelaskan larangan terhadap pertukaran emas dengan emas dan perak dengan perak kerana ia dalam jenis yang sama. Namun dibenarkat jual beli perak dengan emas dan jual beli emas dengan perak. Namun ulama menyatakan bahawa jual beli tersebut hendaklah dilakukan secara "*yadan bi yadin*" iaitu serahan berlaku secara lansung dalam majlis akad (Ibn Daqiq, 1987). Transaksi ini juga wujud dalam konteks mata wang, jika mata wang merupakan satu nilai yang berbeza dengan emas hendaklah transaksi dilakukan secara lansung dalam majlis akad apabila pembelian emas dilakukan. Namun, jika mata wang dianggap sebagai ganti emas, maka transaksi hendaklah dilakukan dengan sama nilai dan secara lansung.

Berdasarkan kepada kefahaman terhadap hadith-hadith berkaitan riba telah menyimpulkan maklumat penting tentang beberapa bentuk riba yang selalu berlegar dalam masyarakat Muslim. Justeru perbincangan hadith berkaitan riba berasaskan kitab 'Umdah al-Ahkam boleh dirumuskan sebagaimana jadual berikut;

Jadual 2: Rumusan Hadith-Hadith Berkaitan Riba

Hadith	Rumusan
Pertama	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bentuk kontrak riba <i>al-nasi'ah</i> 2. Menjelaskan item-item ribawi 3. Transaksi item ribawi yang sama jenis perlu dilakukan dalam majlis akad yang sama
Kedua	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bentuk kontrak riba <i>al-nasi'ah</i> dan riba <i>al-fadl</i> 2. Menjelaskan juga beberapa item ribawi 3. Transaksi item ribawi yang sama jenis perlu dilakukan dalam majlis akad yang sama dan dengan nilai atau sukatan yang sama
Ketiga	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan kontrak riba <i>al-fadl</i> 2. Penukaran item ribawi yang sama jenis perlu dilakukan dalam sukatan yang sama walaupun berlainan kualiti
Keempat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan kontrak riba <i>al-nasi'ah</i> 2. Tidak boleh melakukan transaksi item ribawi yang sama jenis dalam bentuk hutang
Kelima	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan kontrak riba <i>al-fadl</i> dan riba <i>al-nasi'ah</i> 2. Dibenarkan melakukan transaksi emas dengan perak atau sebaliknya dengan syarat dalam majlis akad yang sama.

Walaubagaimanapun, kesemua hadis yang dibincangkan adalah menyentuh persoalan *riba al-buyu'* dengan tidak menyentuh secara langsung perbincangan *riba al-jahiliyyah*. Oleh itu, kajian lanjut yang menyentuh peribahasa riba al-jahiliyyah menurut kefahaman hadith dan fiqh boleh dilakukan dengan merujuk karya-karya hadith yang muktabar.

KESIMPULAN

Transaksi melibatkan riba merupakan satu perbahasan penting dalam dunia hari ini khususnya dalam bidang kewangan dan kekayaan. Oleh kerana sifatnya sebagai satu larangan tegas membuatkan umat Islam sentiasa perlu menjaga diri dari terjebak dengannya. Atas dasar itu pembentukan kefahaman riba atau *al-mu'amalah al-ribawiyah* yang selari dengan konteks hadith masih relevan untuk dibahaskan. Kajian ini juga cenderung analisis fiqh hadith terhadap isu riba perlu didalami dan dikembangkan. Sudah tentu tindakan ini mampu menyediakan sumber maklumat yang jelas dan kefahaman yang baik terhadap konsep riba apabila selari dengan hadith-hadith Nabi SAW. Aliran pemikiran seumpama ini dilihat perlu dalam menyelesaikan konflik atau isu-isu yang melibatkan sistem atau produk kewangan dan kekayaan di Malaysia.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan antara hasil kajian bagi geran penyelidikan Bantuan Kecil Penyelidikan, Universiti Malaya yang bertajuk Fiqh Kehartaan Malaysia: Konsep dan Amalan (BK001-2017). Oleh itu sekalung penghargaan buat Universiti Malaya yang menyediakan geran penyelidikan ini.

BIBLIOGRAFI

- Al-'Ayd, Ibn Daqiq (1987). *Ihkam al-Ahkam Syarh 'Umdah al-Ahkam*. Bayrut: 'Alim al-Kutub.
- Al-Ansari, 'Umar bin 'Ali (1997). *Al-I'lam bi Fawaid 'Umdah al-Ahkam*. Al-Riyad: Dar al-'Asimah.
- Al-Fakihani, Taj al-Din (2010). *Riyad al-Afham fi Syarh 'Umdah al-Ahkam*. Dimasyq: Dar al-Nawadir.
- Al-Maqdisi, 'Abd al-Ghani (1988). *'Umdah al-Ahkam min Kalam Khayr al-Anam*. Al-Qahirah: Matba'ah al-Madani.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf (1996). *Syarh al-Nawawi 'Ala Muslim*. Dammam: Dar al-Khayr.
- Al-Qahtani, Sa'ad bin 'Ali (1988). *Al-Riba: Adraruhi wa Atharuhu fi Daw al-Kitab wa al-Sunnah*. Al-Riyad: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Sayyid al-Sabiq (t.t.). *Fiqh al-Sunnah*. Al-Qahirah: al-Fath li al-A'lam al-'Arabi.
- Al-Syarbini, al-Khatib (2011). *Al-Iqna' fi Hill Alfaz Abi Syuja'*. Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Bassam, 'Abdullah Al (1978). *Taysir al-'Alam Syarh Umdah al-Ahkam*. Makkah, al-Nahdah al-Hadithah.
- Ibn 'Abd al-Barr (1993). *Al-Istidhkar*. Al-Qahirah: Dar al-Wagha.
- Ibn al-'Arabi (1992). *Kitab al-Qabas*. Bayrut: Dar al-Ghurab al-Islami.
- Ibn Baz, 'Abd al-'Aziz bin 'Abd Allah (t.t.). *Al-Ifham fi Syarh 'Umdah al-Ahkam*. t.t.p: Silsilah Muallafat Sa'id Yusuf Wahf al-Qahtani.
- Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah (1991). *Mu'jam al-Wajiz*. Mesir: al-Jumhuriyyah al-Misr al-'Arabiyyah.
- Syafiq bin 'Abd (1998). *Mawqif al-Madrasah al-'Aqliyah al-Hadithah min al-Hadith al-Nabawi al-Syarif*. Bayrut: al-Maktab al-Islami.
- Visser, H. (2013). *Islamic Finance: Principle and Practice*. UK: Edward Elgar.
- Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah (1983). *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*. Al-Kuwayt: Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah.